

Help those most in need

Eradicate extreme poverty & hunger Support Concern Worldwide
www.concern.net

Sertai komuniti myMetro

[login/daftar](#)

Iklan Layanan Masyarakat oleh Google

Layari » **myMetro** *Ahad*

Jumaat, 16 Julai 2010


[RSS](#) | [1klassifieds](#) | [iMetro](#) | [Akhbar Digital](#) | [Video](#) | [Team Metro](#)
[UTAMA](#) | [BERITA UTAMA](#) | [MUTAKHIR](#) | [SETEMPAT](#) | [ARENA](#) | [GLOBAL](#) | [RAP](#) | [VARIASI](#) | [TANYA PAKAR](#) | [BIMBINGAN](#) | [KOLUMNIS](#)
[myMetro](#) [Setempat](#)
[ARKIB SEMINGGU](#)

Atur kempen

Oleh Faizatul Farin Farush Khan
 ffarlin@hmetro.com.my
 2010/07/15



KUALA LUMPUR: Jabatan Pembangunan orang kurang upaya yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sedang menyusun langkah untuk menganjurkan kempen secara besar-besaran bagi menggalakkan golongan itu mendaftar dengan kementerian.

Pengarahnya, Noraini Mohd Hashim berkata, sehingga kini hanya 290,000 golongan itu mendaftar walaupun bilangan penduduk negara ini mencecah hampir 29 juta, dengan Selangor mencatat jumlah tertinggi iaitu 18,000 diikuti Johor, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Katanya, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesenangan golongan itu tetapi sukar dinikmati mereka yang tidak mendaftar kerana setiap orang kurang upaya diberi kad khas yang membolehkan mereka mendapat pelbagai kelebihan.

"Mengikut perangkaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), setiap negara dianggarkan mempunyai sekurang-kurangnya 10 peratus orang kurang upaya tetapi yang mendaftar dengan kami terlalu sedikit.

"Kami anggarkan mungkin itu saja jumlah yang ada di negara ini, tetapi kami juga tidak menolak kemungkinan masih ramai yang tidak tahu bagaimana untuk mendaftar bagi mendapatkan kad berkenaan," katanya pada sidang media selepas pelancaran produk Ezzyrider, iaitu peralatan elektrik untuk golongan kurang upaya, di sini, semalam.

Turut hadir, Penasihat Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat kepada Menteri KPWKM, Datuk Dr Zalina Omar serta Pengarah Eksekutif Kuala Lumpur Vehicles (KLEV) Sdn Bhd, Mustapha Kamal Zulkarnain.

Noraini berkata, mengikut perangkaan WHO, jumlah orang kurang upaya di negara ini mungkin mencecah 2.9 juta, tetapi pihaknya akan melihat data menyeluruh diperolehi daripada bancian yang sedang diadakan.

Katanya, beliau berharap kempen yang diadakan bagi menggalakkan golongan itu berdaftar akan menarik sekurang-kurangnya lima peratus daripada mereka.

Sementara itu, katanya, usaha KLEV mengedar skuter elektrik untuk kegunaan golongan kurang upaya dan warga emas disambut baik kerana membolehkan mereka bebas bergerak.

IKLAN



Anda Pembaca Hmetro?
 Mahu Duit Melalui Online?



"Saya pelajar,
 menjana pendapatan
 RM2000 seminggu" -sertai Fiz



Artikel Lain

- [Penyewa cekik anak tuan rumah](#)
- [Dua penjenayah minta wang lepas culik, perkosa](#)
- [Malcom ISAF ke Afghanistan](#)
- [Kucing 'menangis'](#)
- [Remaja ditampar drebar teks](#)
- ['Derhaka moden'](#)
- [Terlalu awal buat kesimpulan](#)
- [Program untuk semua golongan](#)
- [4 perompak ditembak mati](#)
- [Dua sahabat maut ditetak ketika makan malam](#)
- ['Jaga anak baik-baik'](#)
- [Polis siasat kejadian](#)